



Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia  
*Office of the Director General of Health Malaysia*



## **MAKLUMBALAS KEPADA MEDIA**

*Fahmy Azril Rosli*  
Berita Harian  
Email: fahmy.azril@bh.com.my

### **SALAH GUNA TITLE DR. (KESIHATAN)**

#### **Soalan**

**Boleh Datuk jelaskan dengan lebih terperinci kriteria yang diperlukan untuk seseorang individu dianugerahkan title "Dr"?**

#### **Jawapan**

Rujuk kepada perkara 4.1 dan 4.2 di bawah.

#### **Soalan**

**Adakah individu yang berkecimpung dalam bidang Homeopati, perubatan tradisional dan lain-lain boleh menggunakan title "Dr"?**

#### **Jawapan**

Merujuk kepada Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775]:

Seksyen 29: Penggunaan gelaran dan singkatan

- (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), pengamal berdaftar boleh menggunakan apa-apa gelaran atau singkatan untuk menunjukkan kelayakan atau kedudukannya.
- (2) Apa-apa gelaran atau singkatan, yang digunakan oleh pengamal berdaftar, melainkan jika pengamal berdaftar juga merupakan seorang pengamal perubatan atau pengamal pergigian, tidak boleh menyebabkan orang ramai mempercayai bahawa pengamal berdaftar itu berkelayakan untuk mengamal perubatan atau menjalankan pembedahan di bawah Akta Perubatan 1971 atau menjalankan amalan pergigian di bawah Akta Pergigian 1971.
- (3) Majlis hendaklah menentukan dan menyiarkan suatu senarai gelaran dan singkatan yang dilarang melalui pemberitahuan dalam Warta.
- (4) Pengamal berdaftar tidak boleh menggunakan apa-apa gelaran atau singkatan yang dilarang oleh Majlis di bawah subseksyen (3).

Oleh itu, pengamal perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) yang berdaftar dengan Majlis PT&K boleh menggunakan apa-apa gelaran atau singkatan dengan syarat gelaran atau singkatan yang digunakan:

- (i) tidak menyebabkan orang ramai mempercayai bahawa beliau merupakan seorang pengamal perubatan atau pengamal pergigian; dan
- (ii) bukan merupakan gelaran atau singkatan yang dilarang oleh Majlis PT&K.

Buat masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak menggalakkan penggunaan gelaran atau singkatan "Dr" oleh pengamal PT&K. Walaubagaimapun, isu ini akan ditelitikan oleh Majlis PT&K apabila Akta 775 dikuatkuasakan kelak.

## Soalan

**Adakah syarat-syarat yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia "ketat" berbanding negara lain?**

## Jawapan

Syarat dan akta yang dikuatkuasakan di negara lain adalah mengikut keadaan dan peraturan yang ditetapkan di masing-masing negara. Di Malaysia, terdapat beberapa Akta termasuk Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775], Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], Akta Perubatan 1971 [Akta 50] dan beberapa Akta lain yang dipercayai dapat mengawal dan menangani penyalahgunaan gelaran Doktor di Malaysia.

## Soalan

**Ada penangkapan individu yang menggunakan title "Dr" hanya untuk melariskan perniagaan mereka di negara ini?**

## Jawapan

- 4.1 Secara amnya, di Malaysia, gelaran "doktor" **tidak dikhaskan** untuk –
- (i) **doktor perubatan** yang berdaftar dengan **Majlis Perubatan Malaysia** setelah **lulus** dalam bidang **perubatan** (*M.D. (Medical Doctorate) atau M.B.B.S (Bachelor of Medicine and Basic Surgery)*); **ATAU**
  - (ii) **doktor pergigian** yang berdaftar dengan **Majlis Pergigian Malaysia** setelah **lulus** dalam bidang **pergigian** (*BDS (Bachelor of Dental Surgery atau DDS (Doctor of Dental Surgery)*); **ATAU**

- (iii) **doktor veterinar** yang berdaftar dengan **Majlis Veterinar Malaysia** setelah lulus dalam bidang **perubatan veterinar**.

4.2 Gelaran “doktor” turut diguna pakai oleh pihak lain termasuklah:

- (i) Kumpulan profesional yang mendapat gelaran “**Doctor of Philosophy**”, PhD (dari perkataan [Latin](#): *philosophiae doctor*) bagi mana-mana bidang keilmuan profesional, **contoh**:

- (a) Bidang kesihatan dan perubatan yang lain seperti **farmasi, fisioterapi, psikologi** dan banyak lagi; **ATAU**

- (b) Bidang **bukan** kesihatan atau perubatan seperti kejuruteraan, pengurusan, keagamaan, penulisan dan sebagainya.

- (ii) Pengamal perubatan **tradisional** atau **komplementari**, **contoh**:

- (a) Dr (H) untuk pengamal perubatan hemopati (*terdapat negara yang tidak membenarkan pengamal hemopati menggunakan gelaran doktor seperti Ontario tetapi tiada undang-undang menghalang penggunaan tersebut di Malaysia*).

- (b) *Doctor of Chiropractic* – bagi pengamal perubatan alternatif *chiropractic* dsbnya.

4.3 Malah, Akta Perubatan 1971, bawah kawalan Majlis Perubatan Malaysia tidak mengehadkan penggunaan gelaran “doktor” secara spesifik;

4.4 Semakan Bahagian ini mendapati, Kementerian Kesihatan tidak ada kuasa untuk menghalang penggunaan gelaran doktor tersebut atau mengambil tindakan kepada individu-individu yang menggunakan

gelaran “Dr” untuk melariskan perniagaan mereka, atas sebab-sebab di atas tetapi jika mereka menggunakan kelayakan “MD” atau “MBBS”, tindakan boleh diambil sebagai penipuan di bawah Kanun Keseksaan Jenayah atau *Penal Code*. Aduan tersebut boleh dikemukakan pihak polis untuk tindakan sewajarnya. Walau bagaimanapun, tindakan boleh diambil oleh Kementerian dalam hal *misleading* atau mengelirukan orang ramai.

## Soalan

**Bagaimana cara untuk mengenalpasti golongan ini (yang menyalahgunakan title Dr)?**

## Jawapan

Siasatan berkaitan penggunaan gelaran Dr ini adalah bawah bidang kuasa pihak polis. Walau bagaimanapun, orang ramai boleh mengenalpasti golongan yang menyalahgunakan gelaran Dr sehingga membawa maksud bahawa individu tersebut merupakan seorang pengamal perubatan dengan cara:

5.1 Orang ramai boleh menyemak bagi memastikan **individu** tersebut mempunyai Sijil Amalan Tahunan (*Annual Practising Certificate- APC*) bagi tahun semasa yang sah melalui:

- (i) Laman sesawang MMC: <http://www.mmc.gov.my>, kemudian klik: Medical Register, dan menaip nama pengamal perubatan tersebut;
- (ii) Melalui laman sesawang tersebut, semakan terhadap butiran individu tersebut dari segi nama, lulusan mana, status pendaftaran dan alamat tempat individu tersebut mengamal boleh dilakukan; dan

(iii) Sekiranya tiada maklumat individu yang berkenaan dalam website tersebut, individu tersebut boleh dianggap sebagai bukan pengamal perubatan berdaftar. Orang ramai boleh menghubungi Majlis Perubatan Malaysia Untuk mendapatkan pengesahan lanjut.

5.2 Orang ramai juga boleh memastikan **premis** tersebut adalah **berdaftar** atau **berlesen** dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Sewajarnya Perakuan Pendaftaran (**Borang B/F**) boleh dilihat sebagai **bukti pendaftaran** bagi klinik perubatan swasta atau Lesen (**Borang 4/7**) sebagai **bukti berlesen** bagi hospital swasta dan kemudahan jagaan kesihatan swasta lain, dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

## Soalan

**Ada pemantau dari pihak Kementerian Kesihatan?**

## Jawapan

Bahagian Amalan Perubatan sememangnya menjalankan pemantauan ke atas fasiliti jagaan kesihatan swasta yang berlesen atau berdaftar, di mana **premis-premis ini perlu memastikan pengamal perubatan yang diambil bekerja mesti berkelayakan dan berdaftar** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

## Soalan

**Apa tindakan selepas penangkapan dibuat? Dijatuhi hukuman, diambil tindakan undang-undang atau sebagainya? Komen Datuk...**

## Jawapan

7.1 Menggunakan gelaran Dr sehingga membawa maksud bahawa individu tersebut merupakan seorang pengamal perubatan, adalah kesalahan di bawah *Penal Code*, iaitu di bawah kawalan pihak Polis. Oleh itu, tindakan spesifik terhadap individu tersebut yang boleh diambil oleh Kementerian Kesihatan terhad kepada -

- (i) Jika didapati individu tersebut merupakan doktor siswazah yang belum tamat tempoh latihan *housemanship* dan belum berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia, tindakan administratif bawah Arahan Pentadbiran atau tindakan tatatertib akan dimulakan; dan
- (ii) melaporkan kepada pihak polis untuk tindakan sewajarnya di bawah *Penal Code*

7.2 Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan boleh bertindak mengikut ketetapan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*], seperti berikut:

- (i) Tindakan perundangan (bawa ke Mahkamah), ke atas **pihak premis (*providers*)** yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan di premis yang **tidak berdaftar** atau **tidak berlesen** dengan Kementerian Kesihatan; atau
- (ii) Tindakan perundangan (bawa ke Mahkamah **dan/atau** menarik balik atau menggantung Perakuan Pendaftaran atau

Lesen), juga boleh diambil kepada mana-mana hospital atau klinik swasta atau mana-mana kemudahan jagaan kesihatan yang **berdaftar atau berlesen** dengan Kementerian tetapi mengguna khidmat atau menggajikan individu yang **tidak berkelayakan** dan/atau **tidak berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia** untuk menyediakan perkhidmatan perubatan.

- 7.3 Manakala bagi doktor perubatan/doktor pergigian yang mengambil khidmat atau menggajikan doktor palsu ini boleh diserahkan kepada Majlis Perubatan Malaysia / Majlis Pergigian Malaysia untuk tindakan di bawah *Code of Professional Conduct*, dimana jika didapati bersalah, boleh dikenakan tindakan oleh Majlis Perubatan Malaysia/Majlis Pergigian Malaysia.

## **Soalan**

**Apa tindakan selepas penangkapan dibuat? dijatuhi hukuman, diambil tindakan undang-undang atau sebagainya? komen Datuk...**

## **Jawapan**

Akta Perubatan 1971 menghadkan bidang kuasa Majlis Perubatan Malaysia kepada doktor perubatan yang berdaftar dengannya sahaja.

8.1. Berdasarkan peruntukan di dalam Akta Perubatan 1971, sekiranya seseorang doktor berdaftar didapati bersalah mengambil khidmat atau menggajikan doktor palsu, dia boleh dihukum dengan salah satu cara berikut, bergantung kepada keberatan kesalahannya:

- i) Celaan – Doktor diberikan surat celaan di atas kesalahan yang telah dilakukan dan catatan dibuat bersebelahan namanya di dalam buku daftar doktor di Majlis Perubatan Malaysia.



- ii) Penggantungan – Lesen doktor digantung untuk tempoh yang difikirkan patut, dan doktor tersebut tidak boleh mengamal perubatan selama tempoh tersebut.
- iii) Dibuang dari Daftar Perubatan – Nama doktor terlibat dibuang dari buku daftar doktor di Majlis Perubatan Malaysia dan dia tidak boleh mengamal perubatan lagi.

8.2. Manakala bagi doktor palsu, Majlis akan membuat laporan kepada pihak polis agar tindakan dapat diambil ke atas mereka.

### **Soalan**

**Berapa ramai Doktor di negara ini?**

### **Jawapan**

Sehingga 31 Disember 2015, terdapat 46,556 orang doktor perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia.

**Datuk Dr Noor Hisham Abdullah**  
**Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia**  
**Merangkap Yang Di-Pertua Majlis Perubatan Malaysia**  
**2 Ogos 2016**